

**AKUAN BERKANUN**

Saya/Kami (No. I/C ) dengan  
sesungguhnya dan dengan suci hati sebenarnya mengakui bahawa:-

- 1) Saya/Kami tidak pernah melakukan apa-apa kesalahan kebankrapan seperti yang didefinisikan di bawah seksyen 3 Akta Kebankrapan 1967.
- 2) Saya/Kami tidak pernah melakukan keingkaran di bawah mana-mana perjanjian yang mana saya/kami adalah pihak yang terlibat yang mana kami boleh terikat dengannya dan tiada litigasi, arbitrase atau prosiding pentadbiran yang belum selesai, yang mana terpakai, yang mungkin akan memberi kesan yang material terhadap kesolvenan saya/kami.
- 3) Saya/Kami merupakan pemilik berdaftar/pembeli petak bangunan tersebut yang belum dipecah bahagi yang dikenali sebagai..... (selepas ini dirujuk sebagai “Harta tersebut”) yang telah didirikan atau yang akan didirikan di atas tanah tersebut yang dipegang di bawah hakmilik .....
- 4) Harta tersebut adalah untuk didiami oleh saya/kami.
- 5) Saya/kami mengambil kemudahan ini untuk pembelian Harta tersebut sahaja dan bukan untuk tujuan lain.
- 6) Sekiranya semasa dalam tempoh/jangkamasa Kemudahan, CIMB Bank Berhad (Bank) mendapati perakuan ini palsu atau tidak benar, Bank mempunyai kebebasan untuk menuntut pembayaran untuk keseluruhan pinjaman/kemudahan dan untuk mengenakan caj faedah penalti/pampasan ke atas jumlah yang tertunggak bermula dari tarikh pelepasan pinjaman/pengeluaran kemudahan pembiayaan sehingga tarikh pembayaran penuh dan saya/kami akan membayar jumlah yang dituntut oleh Bank tanpa sebarang kelengahan atau pertikaian.
- 7) Saya/Kami mengambil satu kemudahan di bawah kriteria jaminan Cagamas di bawah Skim Rumah Pertamaku dan Harta tersebut merupakan harta kediaman pertama saya/kami. Jumlah keseluruhan pembiayaan / obligasi pinjaman saya/kami dan jumlah ansuran Bank adalah tidak kurang daripada pendapatan saya/kami. (Nota Kaki : Perakuan ini hanya boleh diguna pakai untuk kemudahan Skim Rumah Pertamaku).
- 8) Saya/Kami tidak mempunyai lebih daripada dua (2) pinjaman/kemudahan pembiayaan sedia ada yang dicagarkan ke atas harta kediaman, termasuk kemudahan ini, sama ada sebagai pemegang akaun tunggal atau pemegang akaun bersama.\*\*.
- 9) Saya/Kami mengisytiharkan bahawa harga pembelian Hartanah yang dinyatakan dalam Perjanjian Jual Beli adalah harga pembelian bersih selepas ditolak sebarang bentuk diskaun harga, pelarasan, rebat atau apa-apa bentuk manfaat lain daripada pemaju yang membawa kesan mengherotkan nilai hartanah sebenar (termasuk tetapi tidak terhad kepada hadiah dan sebarang perkiraan oleh pemaju untuk menanggung kos berkaitan dengan pembelian Hartanah). (Nota. Surat akuan ini hanya diguna pakai bagi hartanah yang sedang dalam pembinaan).

\*\*Sila potong mana yang tidak berkenaan

Dan Saya/Kami membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar, serta menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh  
yang tersebut namanya di atas .....)  
di.....)  
dalam Negeri .....)  
pada.....haribulan....., 20 .....

Di hadapan saya,

-----  
(Pesuruhjaya Sumpah)